

## CONTOH KARANGAN TEMU BUAL / WAWANCARA / DIALOG

- Wartawan : Assalamualaikum. Apa khabar saudara Rashid? Saya Lalisa dari Majalah Remaja ingin menemu bual saudara Rashid berkenaan kejayaan saudara dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 baru-baru ini.
- Rashid : Waalaikumsalam. Saya sihat. Jemputlah masuk.
- Wartawan : Terima kasih. Baiklah, sebelum memulakan wawancara, saya ingin mengucapkan tahniah kerana berjaya memperoleh keputusan 12A+ dalam SPM 2022 sekali gus menggondol anugerah pelajar terbaik Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Damai.
- Rashid : Terima kasih atas ucapan dan penghargaan tersebut.
- Wartawan : Pertama sekali, saya ingin bertanya tentang perasaan saudara ketika menerima keputusan cemerlang dalam SPM tempoh hari?
- Rashid : Sudah tentulah saya berasa sangat bersyukur kerana usaha saya membuahkan hasil. Ketika mendapat keputusan dan nama saya diumumkan sebagai pelajar terbaik SPM, saya berasa seolah-olah tidak percaya kerana keputusan peperiksaan percubaan saya tidak sebaik itu. Jadi, saya tidak meletakkan harapan yang tinggi. Bergenang jugalah air mata saya pada saat itu.
- Wartawan : Boleh saudara Rashid kongsi petua dan resipi kejayaan?
- Rashid : Sepanjang saya berada di tingkatan lima, saya mula membuat jadual aktiviti saya. Saya pastikan agar 50 peratus masa saya dikhususkan untuk pembelajaran, 20% kokurikulum dan selebihnya untuk berehat dan melakukan hobi. Bukan itu sahaja, saya juga rajin bertanyakan guru tentang soalan yang tidak difahami. Saya juga bersyukur kerana kawan-kawan rapat saya sudi membentuk kumpulan belajar bersama-sama. Kami saling membantu dalam berkongsi ilmu.
- Wartawan : Nampaknya ramai yang berdiri teguh di sebalik kejayaan saudara. Apakah perancangan saudara Rashid selepas ini?
- Rashid : Saya ingin memohon biasiswa dan melengkapkan diri bagi tujuan temu duga biasiswa tersebut kerana saya ingin melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan. Bidang itu bukan sahaja menjadi idaman saya, sebaliknya turut diharapkan oleh kedua-dua orang tua saya.
- Wartawan : Pasti mereka berasa bangga akan kejayaan saudara. Baiklah, setakat ini sahaja wawancara kita pada hari ini. Terima kasih kami ucapkan kerana sudi ditemu bual.
- Rashid : Sama-sama. Terima kasih juga kerana sudi datang menemu ramah saya.